

PERBARISAN TAMAT LATIHAN PERAJURIT MUDA TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA SIRI 57/2017

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2758-perbarisan-tamat-latihan-perajurit-muda-tentera-udara-diraja-malaysia-siri-57-2017


IPOH, 9 Disember 2017 - Satu Istiadat Perbarisan Tamat Latihan Perajurit Muda Tentera Udara Diraja Malaysia Siri 57/2017 telah diadakan di Padang Kawad Akademi Tentera Udara (ITU) Ipoh, Perak.

Perajurit Muda (PJM) Siri 57/2017 telah memulakan latihan pada 1 Julai 2017 sehingga 31 Disember 2017. Kekuatan PJM Siri 57/2017 adalah seramai 285 orang lelaki. Pelatih yang menjalani latihan selama 24 minggu telah dibahagikan kepada empat flait iaitu Flait Alpha, Flait Bravo, Flait Charlie dan Flait Delta.

Latihan selama 22 minggu ini telah dipecahkan kepada tiga fasa. Fasa pertama menekankan latihan asas ketenteraan, fasa kedua akademik dan fasa ketiga melibatkan latihan, ujian pratikal dan penekanan pembentukan sahsiah seorang ahli udara yang berkualiti dan berdisiplin.

Di dalam fasa pertama, para pelatih telah diterapkan latihan asas ketenteraan seperti Kawad Kaki, Kawad Senjata, Pengendalian Senjata, Latihan Jasmani, Latihan Menembak, Membaca Peta, Pandu Arah, Pertahanan pangkalan, Merentas Halangan dan latihan Hutan. Fasa kedua pula para pelatih didedahkan dengan pembelajaran akademik seperti mempelajari Pengetahuan Am Perkhidmatan, Keselamatan, Tatatertib, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Etika Tentera. Fasa ketiga para pelatih turut didedahkan dengan aktiviti sosial, sukan dan keagamaan sepanjang menjalani latihan. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah Perlawanan Bola Tampar, Bola Sepak, Bola Jaring, Sepak Takraw, Tarik Tali, Merentas Desa, Merentas Halangan, Pertandingan Jalan Laju, Pertandingan Kawad, Program Jasmani, Emosi, Rohani dan Islamiah.

Latihan yang telah dijalankan ini turut ditanamkan semangat juang yang kental, semangat setiakawan, jatidiri yang tinggi serta ketahanan mental dan fizikal dalam menempuh dugaan yang akan datang. Selain



itu, pelatih turut diterapkan sikap patuh kepada arahan yang diberikan. PJM juga sentiasa diasuh supaya memperbaiki diri untuk maju, berdaya saing, berakhlak mulia dan sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan terutama di bidang kerjaya, akademik dan agama.

Perajurit Muda yang baru sahaja menamatkan latihan ini akan dihantar ke unit-unit yang telah ditetapkan bagi meneruskan kerjaya masing-masing. Mereka juga akan menghadiri kursus asas ketukangan seperti yang telah ditetapkan. Pada perbarisan ini Panglima Tentera Udara, YBhg Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM telah menerima tabik hormat seterusnya memeriksa perbarisan. Panglima Tentera Udara juga telah menyampaikan hadiah kepada Flait terbaik, Perajurit Muda Terbaik Keseluruhan, Perajurit Muda Akademik Terbaik, dan Perajurit Muda Penembak Terbaik.

Flait Bravo dengan cogan kata 'Akan Terus Bersatu' telah dinobatkan sebagai Flait Terbaik Keseluruhan. Flait Terbaik Keseluruhan ini telah dinilai berdasarkan kejayaan di dalam aktiviti yang dilaksanakan seperti Jalan Laju, Pertandingan Menembak, merentas halangan dan lain-lain lagi.

PERAJURIT MUDA UDARA TERBAIK KESELURUHAN SIRI 57/2017

Nama : Perajurit Muda Udara Azlan bin Mohd Kamaludin.
Piala : Piala Pusingan Panglima Tentera Udara.

PERAJURIT MUDA UDARA AKADEMIK TERBAIK

Nama : Perajurit Muda Udara Shanon a/l Lourdes Sagaran.
Piala : Piala Pusingan Panglima Pendidikan Udara.

PERAJURIT MUDA PENEMBAK TERBAIK

Nama : Perajurit Muda Udara Wan Afiq Muqri bin Wan Rahmat
Piala : Piala Pusingan Asisten Ketua Staf Tadbir.



